



MOHD. AZHAR MAIL



PITORIA SHAARI



FARHANA TALIB



ALYANEE AHMAD



SALMAN SHA'RI



ENGKU NORHIDAYAH
OTHMAN

UM 4/11/2003

Opkim KUIM

Peluang pelajar dekati masyarakat Felda

Oleh **SITI MARIAM MD. ZAIN**

PROGRAM Operasi Khidmat Masyarakat (Opkim) Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah berlangsung di Felda Lubok Merbau, Pendang, baru-baru ini secara dasarnya berjaya menyuntik semangat baru di kalangan masyarakat, terutamanya generasi muda Felda dan para pelajar sendiri.

Hampir 100 pelajar terlibat menjayakan pelbagai aktiviti sepanjang program anjuran KUIM dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dan Pertubuhan Peneroka Lubok Merbau bermula 16 hingga 21 Oktober lalu itu.

Apakah yang menarik, idea program yang bertujuan memperkenalkan KUIM, selain mendekati diri para pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan masyarakat setempat itu telah dicetuskan sendiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM merangkap Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Nor.

Menurut Ketua Pengarah Opkim, **Mohd. Azhar Mail**, 20, sebanyak 70 pelajar KUIM

dan 20 pelajar UUM menyertai program tersebut.

Sepanjang program, pelajar bukan sahaja berpeluang menimba pengalaman bergaul dengan masyarakat Felda, malah mereka juga dapat mempraktikkan segala ilmu yang diajar di kolej dan universiti untuk membantu masyarakat desa.

"KUIM ialah sebuah IPT baru, menerusi kerjasama semua pihak, kami berharap dapat memperkenalkannya di kalangan masyarakat luar bandar," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Mohd. Azhar, antara tugas dan tanggungjawab yang dipikul dalam usaha membantu meningkatkan tahap ekonomi penduduk Felda tersebut ialah dengan mengenal pasti kawasan-kawasan terbiar sekitar Felda yang sesuai untuk dibangunkan atau beroperasi semula.

"Kami juga akan melakukan penyelidikan, pembancian dan penelitian terhadap pembangunan yang sesuai dengan persekitaran kampung ini sehingga tamat program," ujar beliau.

Sementara itu, beberapa pelajar yang menjadi anak angkat dalam program

tersebut ketika ditemui gembira kerana mereka berpeluang berbakti kepada keluarga angkat di Felda terbabit.

Salah seorang daripada mereka, **Pitoria Shaari**, 20, berkata, apa yang diharapkan ialah bakti yang dicurahkan itu dapat sekurang-kurangnya membawa kebaikan kepada keluarga angkat dan masyarakat kampung di kawasan terbabit keseluruhannya.

"Masyarakat Felda ketika ini agak beruntung kerana kebajikan mereka sentiasa diambil kira oleh kerajaan selain banyak kemudahan-kemudahan termasuk khidmat koperasi disediakan," katanya yang kini sedang mengikuti Program Al-Quran dan Sunnah dalam Tahun 2 di KUIM.

Seorang lagi pelajar, **Farhana Talib**, 21, pula berpendapat, usaha yang dijalankan itu baik untuk mengeratkan hubungan antara para pelajar IPTA dengan masyarakat golongan Felda.

"Menerusi cara ini juga pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari secara akademik dan menghayatinya dalam bentuk pengalaman dan kemahiran. Ini dapat memberikan pendedahan kepada pelajar tentang realiti kehidupan

masyarakat ke arah kematangan berkemunikasi," katanya.

Alyanee Ahmad, 22, pula memberitahu, kehadiran mereka adalah lebih sebagai pengantara antara masyarakat Felda dan kerajaan bagi memastikan semua pihak mendapat gambaran yang sebenarnya.

Sementara itu, pelajar Tahun 2 dalam bidang Multimedia UUM, **Salman Sha'ri**, 21, berkata, Opkim mampu dijadikan landasan untuk para pelajar IPTA memberi motivasi pada anak-anak Felda.

"Sambutan yang diterima di sini amat menggalakkan dan saya sendiri berminat untuk meneruskan program sebegini sekiranya diadakan pada masa akan datang," ujarnya sambil turut dipersetujui oleh **Engku Norhidayah Engku Othman**, 20, temannya daripada universiti yang sama.

Menurut Engku Norhidayah, pencapaian anak-anak Felda dalam bidang akademik yang tidak jauh daripada rakan-rakan mereka di bandar memberi gambaran masa depan mereka akan lebih cerah jika diasuh mengikut cara dan teknik yang betul.